

18 NOV 1999

Pilihan raya- Restoran

PEMILIK RESTORAN INDIA PILIH BARISAN NASIONAL

Oleh: R.Ravichandran

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Persatuan Pengusaha Restoran India Malaysia dan Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia telah mengisytiharkan sokongan padu mereka terhadap MIC dan Barisan Nasional pada pilihan raya umum 29 Nov ini.

Presiden Persatuan Pengusaha Restoran India Ramalingam Pillay berkata di bawah kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ekonomi negara tumbuh pada kadar yang lebih pesat dan rakyat menikmati kemakmuran dan kestabilan yang berterusan.

"Kami mahu kerajaan BN yang ada terus kekal. Kami amat berterima kasih kepada kerajaan kerana membantu kami menyelesaikan banyak masalah secara baik seperti masalah kekurangan buruh, " katanya kepada Bernama di sini.

Ramalingam berkata persatuan itu telah mengedarkan bendera dan sepanduk BN kepada 8,000 anggotanya di seluruh negara untuk dipasang di premis masing-masing.

"Bendera-bendera ini menunjukkan sokongan kami dan taat setia kami kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan BN. Hanya BN yang boleh memenuhi aspirasi semua kaum di negara ini," katanya.

Presiden Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Jamarul Khan Kadir berkata kerajaan BN telah menangani proses pemulihan ekonomi negara dengan baik sehinggakan Malaysia mampu pulih lebih cepat daripada krisis kewangan dan ekonomi yang melanda Asia.

"Kerajaan BN di bawah Dr Mahathir telah mempertahankan maruah kita dan membawa keyakinan kepada kita semua," katanya.

Jamarul Khan juga berkata kawalan modal terpilih dan langkah-langkah ekonomi lain yang diambil kerajaan telah menurunkan kadar faedah dan ini banyak membantu masyarakat peniaga terutama untuk mendapatkan pinjaman bank dengan lebih mudah.

"Kerajaan BN telah menjamin kestabilan yang berterusan. Kami bimbang jika berlaku sebarang perubahan politik dalam negara, kestabilan tidak akan wujud lagi," katanya.

Ditubuhkan pada 1992, persatuan itu mempunyai kira-kira 1,200 anggota.

-- BERNAMA

RV RON